

19/10/2003

Falsafah Dr Siti Hasmah & sikap rendah diri Ning

Hanizam Abdullah

SEMINGGU lagi insya-Allah kita akan menyambut Ramadan. Barangkali elok jugalah kita merenung dalam diri. Biasalah kita manusia memang langsung tak sempurna dan banyak sangat silapnya. Ada kala kita rasa diri sudah popular gila lalu menjadi begitu besar kepala. Selalunya bab besar kepala ini pula kita memang tak sedar tetapi tetapi orang sekeliling mungkin nampak itu semua. Orang meluat dan menyumpah seranah kerana kita terlalu perasan kerana diri sudah gah gila.

Sedangkan orang biasa yang tidak memegang sebarang title pun mudah terperangkap dalam sindrom lupa diri inikan pula selebriti. Cabaran lebih hebat kepada kalangan yang pernah termasuk dalam kelompok popular. Teman teringat soksek mengenai seorang artis popular yang kononnya enggan bersalaman dengan seorang peminatnya. Semuanya gara-gara dia sudah penat dan kelaparan.

"Saya datang hendak makan bukan nak bersalaman," begitulah kononnya cerita orang mengenai artis yang singgah di tempat rehat dan rawat sebuah lebuhraya apabila peminatnya itu yang kebetulan penjual makanan di situ mahu bersalaman. Bagaimanapun tidaklah diketahui artis mana yang dimaksudkan itu. Barangkali dia cuma bergurau tetapi apabila badan dan penat dan perut sudah berbunyi, nada suara pun seolah-olah sudah tinggi.

Satu lagi cerita yang sampai ke telinga teman, juga mengenai artis dan peminatnya. Yang ini memang berlaku terhadap rakan teman sendiri. Dia ini memang minat habis kepada selebriti yang seorang ini. Punyalah minatnya sehinggakan apabila setiap kali dia membuat show, rakan teman ini tidak pernah ketinggalan. Orang kata sanggup berhabislah untuk idolanya itu kerana tiket untuk menyaksikan persembahannya memang mahal.

Ketika terserempak dengan artis itu di dalam lif, rakan teman ini pun kembang kempislah hidungnya kerana tidak menyangka akan bertentang mata dengan artis ini. Lalu, dia pun menghulurkan tangan mahu bersalaman. Terperanjat badak juga dia apabila tangannya tidak disambut langsung.

"Tak sangka cempedak menjadi nangka. Rasa-rasanya ketika itu juga I mahu minta refund padanya. You tau Hanizam, I banyak spend tau nak tengok dia beraksi. You bayangkanlah perasaan I ketika itu. Malu jangan sebutlah kerana kebetulan ada juga beberapa orang lain dalam lif itu," katanya.

Itulah teman kata, kita ini hanya manusia yang banyak salah dan silapnya. Jadi elok jugalah kalau kita merenung kata-kata hikmah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, isteri Perdana Menteri kita yang dikasihi, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu temu ramah dengan Pengarang Sunday Mail, Aishah Ali hujung minggu lalu.

Jangan pembaca budiman tak tahu, Aishah yang juga rakan seperjuangan teman, adalah ibu kepada Joe Flizzow, salah seorang anggota Too Phat, yang dengar cerita semakin ligat dalam kerjaya seni mereka. Tahniah Too Phat kerana terpilih untuk berkongsi pentas dengan Linkin Park pada konsert malam Rabu lalu.

Kata Dr Siti Hasmah, "I've always known that this life is transient. I tell myself and I've told my Bakti ladies that as wives of politicians they must accept that one day they will have to make adjustments when their husbands no longer hold Cabinet positions. And I always pray that Allah will make this transition easy for me and my husband."

Dr Siti Hasmah tahu bahawa kehidupannya sebagai seorang isteri Perdana Menteri adalah sementara saja. Lalu dia selalu mengingatkan dirinya dan juga isteri menteri Kabinet dan ahli politik yang lain agar bijak membuat

penyesuaian apabila suami mereka tidak lagi memegang jawatan dalam Kabinet.

Begitulah sikap seorang insan yang memang teman kagumi. Kalau tidak pun memiliki 100 peratus sikap Dr Siti Hasmah kita sekurang-kurangnya boleh meminjam sedikit sikap dan semangatnya itu. Rakan artis pun sepatutnya begitu juga. Mereka yang sedang sibuk menjana perjalanan seni mereka juga patut hubaya-hubaya dengan keadaan ini.

Percayalah glamour dan popular itu hanya sementara saja. Tak sedap benar apabila teman dengar cerita, ada artis yang sanggup melakukan 'kejutan' dan gimik yang kadang kala entah apa-apa semata-mata mahu 'dilihat' masih hidup dalam industri hiburan. Teman hanya nasihat saja sebagai seorang pengarang hiburan.

Tengok macam Ning Baizura di malam Anugerah Era 2003 yang berlangsung dengan jayanya di Arena Of Stars, Genting Higlands. Ketika menerima trofi Vokal Wanita Terbaik, antara lain Ning menyebut, "Saya sudah lebih 10 tahun dalam dunia seni tetapi pengalaman saya hanya banyak ni saja..." Ketika berkata begitu jari Ning menunjukkan isyarat betapa sedikitnya pengalamannya itu.

Begitulah sikap rendah diri Ning Baizura yang memang teman senangi. Umum tahu bahawa Ning adalah antara nama besar dalam industri hiburan. Barangkali, sikap yang paling penting ialah apabila merenung bintang di langit, jangan lupa rumput di bumi. Ikut jugalah resmi padi yang semakin tunduk apabila berisi. Bunyinya memang klise habis tetapi itulah antara ungkapan yang seharusnya mengingatkan siapa diri kita sebenarnya. Jumpa lagi! - hanizam@bharian.com.my